



**1. PEMERIKSA BANGUNAN KANAN  
JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
C.2 EB.3 [\$1,450 - \$2,270 SEBULAN]  
KEKOSONGAN=1**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) BDTVEC / BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau sebanding dalam bidang Pengurusan / Bangunan / Alam Sekitar/ Pengajian Brunei / Teknologi Maklumat atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Bandaran sebagai Pemeriksa Bangunan atau jawatan berkaitan dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 7 tahun atau dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji D.4/D.3 tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji D.4 / D.3 tidak kurang dari 6 tahun atau dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 8 tahun.
2. Mengetahui Undang-Undang Bandaran dan yang berkaitan dengannya adalah kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEMERIKSA BANGUNAN KANAN:**

1. Mengetuai zon / kawasan kawalan yang telah ditetapkan.
2. Menyelaras hal ehwal pengurusan kerja-kerja harian seperti pengawalan dan pemantauan kawasan.
3. Menyediakan laporan-laporan harian kepada ketua atasan dari semasa ke semasa.



4. Bertanggungjawab menyelesaikan isu-isu kerja yang terbit dari aduan-aduan yang diterima.
5. Memastikan kawasan-kawasan dibawah kawalan sentiasa terkawal dan terpelihara dari sudut keselamatan, kebersihan, keindahan, kesejahteraan dan keselamatan (5K).
6. Bertindak secara proaktif diatas sebarang masalah-masalah yang berbangkit.
7. Berkeupayaan dalam menilai prestasi kerja kakitangan dibawah jagaan.
8. Bertanggungjawab kepada pegawai atas dan menerima arahan dari semasa ke semasa.